



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**JABATAN AUDIT NEGARA TERAJUI INISIATIF KAMPUNG ANGKAT
MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI DI
KAMPUNG TOPOKON DAN SEKOLAH KEBANGSAAN TOPOKON,
TUARAN, SABAH**

**UNTUK SIARAN SEGERA
10 MEI 2025**

KOTA KINABALU, 10 Mei 2025 – Jabatan Audit Negara (JAN) hari ini mengorak langkah memperkukuh peranannya dalam pembangunan komuniti melalui pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) dan Sekolah Angkat MADANI (SAM) bagi tahun 2025 yang akan dilaksanakan di Kampung Topokon dan Sekolah Kebangsaan Topokon, Tuaran, Sabah.

Mesyuarat penyelarasan program telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara, bertempat di Bilik Mesyuarat Sipadan, Wisma Audit Sabah, melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri yang terlibat secara langsung dalam menjayakan inisiatif ini.

Program KAM merupakan inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2024, bertujuan untuk merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi komuniti luar bandar. Meneruskan kejayaan pelaksanaan pada tahun 2024, Kerajaan telah memperluas program ini kepada 200 buah kampung seluruh negara bagi tahun 2025. Kampung Topokon telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan oleh JAN dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Sebagai pelengkap, program SAM turut dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Topokon dengan peruntukan RM100,000.00 memandangkan sekolah ini terletak dalam kawasan yang sama. Usaha ini selaras dengan pendekatan *Whole-of-Government* yang menekankan kerjasama merentas agensi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cepat dan berkesan kepada rakyat. Skop projek SAM memberi tumpuan kepada naik taraf kantin sekolah bagi menyediakan persekitaran makan yang lebih selamat dan selesa untuk murid-murid.

Empat skop utama projek di bawah KAM akan dilaksanakan di Kampung Topokon melibatkan naik taraf dewan serbaguna, gelanggang futsal dan bola keranjang terbuka, fasiliti sekolah serta program kemasyarakatan. Program SAM pula melibatkan pelaksanaan skop projek menaik taraf kantin sekolah. Mesyuarat juga membincangkan usahasama antara JAN dan Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ) dalam menjayakan program KAM dan SAM.

Dalam mesyuarat tersebut, YBhg. Dato' Seri Ketua Audit Negara turut menyampaikan surat pelantikan kepada jabatan dan agensi terlibat serta menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) kepada pihak Sekolah Kebangsaan Topokon, Tuaran.

Mesyuarat turut dihadiri Encik Ramlee Kariah, Ketua Pegawai Operasi SMJ; Encik Ramlan Awang Ali, Setiausaha MUIS; wakil daripada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Daerah Tuaran, Majlis Daerah Tuaran, Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran, Sekolah Kebangsaan Topokon serta pegawai-pegawai kanan JAN.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Audit Negara**

